



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	16/12/2019	MUKA SURAT	:	7
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Maszlee bantu OKU pindah banjir

Maszlee Malik

Kami temui sebuah rumah yang terpencil dan sudah dinaiki air di Kg Melayu Bukit Nyamuk, Simpang Renggam.

Bila diperiksa, ada anak OKU yang tinggal di situ bersama ibubapanya yang sudah tua.

Namanya Icha. Usianya kini 23 tahun.



Klip video Maszlee membantu Icha di laman Twitternya.

Kluang: Ahli Parlimen Simpang Renggam, Dr Maszlee Malik, menarik perhatian netizen apabila memuat naik klip video beliau membantu memindahkan seorang mangsa banjir yang juga orang kurang upaya (OKU), di laman Twitter semalam.

Dalam klip video terbabit, Menteri Pendidikan itu dilihat mengangkat pesakit terlantar itu dari dalam sebuah rumah di Kampung Melayu Bukit Nyamuk di sini, sebelum membawanya masuk ke sebuah pacuan empat roda.

Terdahulu, beliau menemui keluarga OKU terbabit ketika membuat tinjauan mangsa banjir di beberapa kawasan yang terjejas di sekitar Simpang Renggam.

"Kami temui sebuah rumah terpencil dan sudah dinaiki air di Kampung Melayu Bukit Nyamuk, Simpang Renggam. Bila diperiksa, ada anak OKU tinggal di situ bersama ibu bapanya yang sudah tua. Namanya Icha. Usianya kini 23 tahun.

"Dengan hujan yang langsung tidak berhenti dari pagi sampai tengah hari, saya fikir lebih elok kami terus membantu memindah-

kan mereka bertiga ke pusat pemindahan.

"Tambahan pula, tiada siapa boleh mengangkat Icha, ibu bapanya tidak lagi kuat. Kami kosongkan kereta (pacuan empat roda) dan muatkan keluarga terbabit sebelum terus bergerak ke pusat pemindahan banjir di Masjid Kampung Melayu Bukit Nyamuk.

"Semoga keselamatan dan kebajikan mangsa lebih terjaga ketika berada di sana," katanya dalam ciapan di laman Twitter rasminya semalam.

Sementara itu, Maszlee berkata, Kementerian Pendidikan bersiap sedia untuk memastikan sesi pembukaan persekolahan bulan hadapan tidak terjejas jika banjir berlarutan sehingga Januari.

"Pejabat Pendidikan Daerah memiliki SOP (prosedur operasi standard) sendiri dalam menghadapi banjir. Mereka bersiap siaga setiap tahun," katanya pada program Kembali ke Sekolah dan pelancaran Telefon Awam Baharu Helogang di Sekolah Menengah Kebangsaan Simpang Renggam di sini, semalam.

Pejabat Pendidikan Daerah memiliki SOP (prosedur operasi standard) sendiri dalam menghadapi banjir. Mereka bersiap siaga setiap tahun.

Maszlee Malik,
Ahli Parlimen Simpang Renggam